

**TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN
MAAL HIJRAH 1427H PERINGKAT KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN
MALAYSIA (KUTKM)**

TEMPAT:

**DEWAN JUKEBOX, KAMPUS INDUSTRI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

TARIKH :

17 FEBRUARI 2006

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1427H PERINGKAT KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA PADA 17 FEBRUARI 2006 BERTEMPAT DI DEWAN JUKEBOX, KAMPUS INDUSTRI.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM MAKLUM, KUTKM
SAMAHLAH INI MENYAMBUT MAJLIS SAMBUTAN
MAAL HIJRAH PADA MALAM AKHIR TAHUN PACRAH
Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK &
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHD. DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG. USTAZ HJ. MOHAMAD BIN HASHIM AL-HAFIZ
IMAM BESAR, MASJID AL-AZIM NEGERI MELAKA
WAKIL-WAKIL MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR,
MENDATANGKAN MANFAAT BAIK DI DUNIA
MAHLUPUN DI AKHIRAT YANG KEKAL ABADI
DAN SEMUA STAF KUTKM YANG DIHORMATI
SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.
SYUKUR ALHAMDULILAH DENGAN RAHMATNYA
DAPAT KITA BERKUMPUL BAGI MERAIKAN SALAH
SATU MAJLIS HARI KEBESARAN ISLAM, IAITU
MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1427 PERINGKAT
KUTKM. TERLEBIH DAHULU SAYA MERAKAMKAN
SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA SEMUA

YANG MELIBATKAN DIRI MENJAYAKAN MAJLIS YANG BERMAKNA INI. SEBAGAI UMAT ISLAM KITA PERLU MEMPERINGATI SERTA MERAIKAN HARI-HARI KEBESARAN ISLAM YANG TELAH TERMAKTUB DI DALAM KALENDAR ISLAM.

SEPERTIMANA YANG KITA MAKLUM, KUTKM SEBELUMINI MENYAMBUT MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH PADA MALAM AKHIR TAHUN HIJRAH DENGAN MAJLIS BACAAN DOA AKHIR TAHUN DAN DIIKUTI DENGAN DOA AWAL TAHUN SELEPAS SOLAT MAGHRIBNYA. TETAPI PADA TAHUNINI MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT UNIVERSITI DIADAKAN PADA WAKTU PEJABAT KERANA PIHAK UNIVERSITI INGIN MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA STAF KUTKM AGAR DAPAT BERSAMA-SAMA DENGAN PENDUDUK SETEMPAT MASING-MASING MERAIKAN MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH DI MASJID-MASJID YANG BERDEKATAN DENGAN KEDIAMAN MEREKA.

WALAU APA PUN PERBEZAAN WAKTU ATAU CARA BAGI SAMBUTAN MAAL HIJRAHINI DISAMBUT, IANYA DIHARAP DAPAT MEMBERIKAN SEDIKIT SEBANYAK ILMU DAN PENGETAHUAN KEPADA SEMUA YANG MENYAMBUTNYA AGAR KITA TIDAK LALAI DAN LEKA DENGAN PEREDARAN MASA YANG BERLALU DENGAN CEPATNYA. SEMOGA IANYA MENDATANGKAN MANFAAT BAIK DI DUNIA MAHUPUN DI AKHIRAT YANG KEKAL ABADI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI
ACADEMIC SUMBANGAN MEREKA TERHADAP PEMBANGUNAN UMMAH ADALAH AMAT PENTING MAAL HIJRAH YANG DISAMBUT OLEH UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA MENINGATKAN KITA KEPADA SEJARAH HIJRAH RASULULLAH S.A.W DARI MEKAH KE MADINAH DALAM USAHA BAGINDA MENGEMBANGKAN DAKWAH TAUHID. HIJRAH DALAM PENGERTIAN BAHASA IALAH BERPINDAH, NAMUN PENGERTIAN YANG LEBIH DALAM MAKSUM HIJRAH IALAH PERJALANAN UNTUK MENCAPAI

MATLAMAT DAN CITA-CITA. UMAT ISLAM PERLU MENGHAYATI PERISTIWA HIJRAHINI DALAM KONTEKS YANG LEBIH BESAR UNTUK MENCAPAI KUALITI KEIMANAN DAN KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK. IANYA MENUNTUT UMAT ISLAM SUPAYA TIDAK SAHAJA BERHIJRAH DALAM BENTUK FIZIKAL TETAPI JUGA SPRITUAL DAN MINDA.

SELAKU KAKITANGAN AWAM, SAMBUTAN MAAL HIJRAHINI PERLU MENJADI DORONGAN KEPADA KITA UNTUK SENTIASA MEMPERBAIKI KEKURANGAN DAN KELEMAHAN YANG ADA PADA DIRI KITA DAN ORGANISASI. KITA ADALAH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK SEPERTIMANA YANG DITUNTUT DALAM PRINSIP HIJRAH ITU SENDIRI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

TEMA SAMBUTAN MAAL HIJRAH TAHUN INIIALAH “KEUNGGULAN ILMU TERAS KEGEMILANGAN UMMAH”. IANYA TELAH DISEMPURNAKAN OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG MALAYSIA PADA 31 JANUARI 2005 YANG LALU BERSAMAAN 1 MUHARRAM 1427 HIJRIYAH. DI MAJLIS TERSEBUT MARTABAT TOKOH-TOKOH AKADEMIK SAINS DAN TEKNOLOGI TELAH DIANGKAT UNTUK MENERIMA ANUGERAH MAAL HIJRAH. IANYA ADALAH SATU PENGiktirafan YANG SUNGGUH BERMAKNA TERHADAP AHLI-AHLI AKADEMIK. SUMBANGAN MEREKA TERHADAP PEMBANGUNAN UMMAH ADALAH AMAT PENTING UNTUK MEMBANGKITKAN KEMBALI KEGEMILANGAN ISLAM YANG PERNAH Dipelopori OLEH UMAT ISLAM YANG TERDAHULU.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SELARAS DENGAN TEMA MAAL HIJRAH KALI INI YANG MENEKANKAN KEPADA KEUNGGULAN ILMU MAKAKA SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENYERU KEPADA AHLI-AHLI AKADEMIK KUTKM UNTUK AN MENCONTOHIAH KEPAKARAN DAN KEMAHIRAN ILMUWAN ISLAM YANG TERDAHULU UNTUK DIJADIKAN UNDORONGAN TEA BAGI MEMBANGUNKAN UMMAH. PANDANGAN ILMUWAN ISLAM INI TELAH MENJADI ASET YANG TIDAK TERNILAI KEPADA PEMBANGUNAN DUNIA DALAM BIDANG MASING-MASING.

CONTOHNYA TOKOH ILMUWAN ISLAM AL KHAWARIZMI (ABU ABDULLAH MOHAMMAD BIN MUSA) YANG SANGAT TERKENAL DAN DIHORMATI DALAM BIDANG MATEMATIK DAN ASTRONOMI. BELIAU TELAH MEMPELOPORI ILMU ALGEBRA DAN ARITMETIK YANG SEHINGGA KINI TERUS DIGUNAKAN DI SELURUH DUNIA. AL KHAWARIZMI TELAH BERJAYA MEMPELOPORI BIDANG ARIMETIK

YANG DIANGGAP SEBAGAI PERTAMA DALAM BIDANG TERSEBUT YANG KEMUDIANNYA DIKENALI SEBAGAI NAMA ALGIRIZAM BEBERAPA KURUN SELEPASNYA.

MEREALISASIKAN VISI DAN MISI UNIVERSITI

BEGITU JUGA DENGAN TOKOH ILMUWAN ABU MUSA JABIR IBNU HAYYAN YANG DIKENALI SEBAGAI BAPA ILMU KIMIA MODEN. ILMU DAN PANDANGAN BELIAU TELAH MENJADI DASAR BAGI MENGKLASIFIKASIKAN UNSUR KIMIA PADA BAHAN LOGAM, BUKAN LOGAM DAN PENGURAIAN BAHAN KIMIA. BANYAK LAGI TOKOH-TOKOH AKADEMIK DAN ILMUWAN ISLAM YANG TERKENAL DAN MENJADI PENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN UMMAH SEPERTI IBNU SINA, AL-FARABI, IBNU TUFAIL, IBNU KHALDUN DAN AL-JAZARI. MEREKA MERUPAKAN NAMA-NAMA BESAR DALAM BIDANG AKADEMIK MASING-MASING.

MAAL HIJRAH INI SAYA BERDOA SEMOGA KITA SENTIASA BEROLEH RAHMAT DAN HIDAYAH DARIPADA ALLAH SUBHANAHU WA TAA'LA SERTA

SEHUBUNGAN ITU KITA PERLU MELAKUKAN PENGHIJRAHAN SIKAP DAN MINDA SUPAYA MENJADI TERSOHOR SEPERTI ILMUWAN ISLAM DI ZAMAN SILAM TERSEBUT. KITA MEMERLUKAN KEKUATAN DISIPLIN DAN SANGGUP UNTUK MENGGANDAKAN USAHA BAGI MEREALISASI IMPIAN MENJADI UNIVERSITI TEKNIKAL TERKEMUKA DI DUNIA. KITA PERLU MENGUASAI ILMU DENGAN MENCIPTA LEBIH BANYAK KEJAYAAN DALAM BIDANG AKADEMIK UNTUK MENCIPTA KETAMADUNAN YANG BERPAKSIKAN KEPADA KEKUATAN ILMU.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

KATA SEORANG PAKAR PENGURUSAN JOEL BAKER SEMASA MEMBICARAKAN TAJUK “THE POWER OF VISION” PERLU DIJADIKAN RENUNGAN “**VISI TANPA TINDAKAN, CUMA MERUPAKAN MIMPI SAHAJA, TINDAKAN TANPA VISI PULA MEMBUANG MASA**

AKAN TETAPI JIKA VISI DIIKUTI DENGAN TINDAKAN SEMUANYA BOLEH DICAPAI.” OLEH YANG DEMIKIAN JIKA KITA INGIN MENCAPAI KEUNGGULAN ILMU MAKAN KITA PERLU SAMA-SAMA MEREALISASIKAN VISI DAN MISI UNIVERSITI SEPERTI YANG DITETAPKAN DALAM PELAN STRATEGIK UNIVERSITI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SETIAP KEINGINAN PASTI ADA JALANNYA. APA YANG PENTING IALAH KITA PERLU IKHLAS DAN SENTIASA BERDOA SERTA BERTAWAKAL KEPADA ALLAH S.W.T DALAM SEGALA YANG KITA RANCANG. INSYAALLAH SEKIRANYA KITA MEMPUNYAI KEAZAMAN YANG KUAT KITA DAPAT MENCAPAINYA. AKHIR KATA SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAHINI SAYA BERDOA SEMOGA KITA SENTIASA BEROLEH RAHMAT DAN HIDAYAH DARIPADA ALLAH SUBHANAHU WA TAA’LA SERTA

AKAN DAPAT TERUS MAJU DEMI AGAMA, BANGSA
DAN NEGARA.

SEKIAN, WABILLAHİ TAUFİK WALHIDAYAH,
WASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.

SEMPENA MAJLIS HARI MERCU KOKURIKULUM

TEMPAT:

KAMPUS INDUSTRI

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KESANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TARIKH:

22 MAC 2006